

Tiga buah sekolah di Melaka ditutup akibat banjir kilat

Oleh **NURSURAYA ZULKIFLI**

pengarang@utusan.com.my

MELAKA 15 Ogos - Hujan lebat tanpa henti selama lima jam di beberapa kawasan di tiga daerah di negeri ini malam tadi menyebabkan tiga buah sekolah terpaksa ditutup ekoran dilanda banjir kilat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, penutupan hari ini melibatkan dua sekolah menengah di daerah Melaka Tengah iaitu Sekolah Tinggi Perempuan Melaka dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Teja serta Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau di Jasin.

Menurutnya, sekolah berkenaan terpaksa ditutup berikutan kenaikan paras air sehingga 0.6 meter bagi menjamin keselamatan para pelajar seperti litar pintas.

“Daerah Jasin merupakan antara kawasan yang paling banyak terjejas dilanda banjir kilat iaitu melibatkan lebih 800 buah keluarga dengan 3,000 orang mangsa di beberapa kampung antaranya Umbai,

Serkam, Tedong, Merlimau dan Sungai Rambai.

“Empat bilik gerakan banjir telah dibuka di daerah ini antaranya SMK Sri Mahkota, SMK Dang Anum di Umbai dan SK Datuk Haji Baginda di Umbai serta SK Sempang di Merlimau,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Japerun Serkam bagi mendengar taklimat mengenai banjir kilat yang melanda negeri ini.

Yang hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam, Zaidi Attan; ADUN Merlimau, Roslan Ahmad dan ADUN Rim, Datuk Ghazale Mohammad.

Idris berkata, banjir kilat yang berlaku itu turut menjejaskan beberapa kawasan di Melaka Tengah antaranya di Bukit Baru, Bukit Bayan, Bukit Pulau, Kampung Tanjung Minyak, Solok Kemang dan beberapa kawasan lain.

Di daerah Alor Gajah pula kawasan yang turut dilanda banjir kilat ialah Masjid Tanah, Tanjung



SEKOLAH Kebangsaan Pulau ditutup akibat banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Melaka, semalam.

Bidara, Paya Mengkuang, Sungai Tuang dan Lubok China.

Dalam pada itu, Idris turut me-

nasihatkan orang ramai yang tinggal di kawasan berisiko dilanda banjir supaya sentiasa peka dengan



SEORANG pengawal keselamatan menutup pagar Sekolah Tinggi Perempuan Melaka Durian Daun yang merupakan antara tiga buah sekolah terpaksa ditutup ekoran banjir kilat di Melaka, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

perkembangan dan arahan yang diberikan pihak berkenaan untuk mengelakkan kejadian tidak diingi-

ni berlaku.

Tiada pemindahan dan kemalangan jiwa dilaporkan setakat ini.